PEMACU WACANA

Program	Forum Mencakna Jiwa Generasi Muda Dengan Nilai Perpaduan Malaysia
Tarikh	29 November 2022 (Selasa)
Masa	10.00 AM – 1.00 PM
Lokasi	Auditorium Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Malaya

ISI KANDUNGAN

1. Informasi Program
2. Aturcara Program
3. Laporan Program
4. Biodata Ketua Penyelidik
5. Biodata Moderator
6. Biodata Ahli Panel
7. Laporan Perbincangan
8. Sesi Soal Jawab
9. Senarai Kehadiran
10. Gambar Semasa Program
11. Hebahan Media Sosial

1. INFORMASI PROGRAM (I)

PERKARA	PERINCIAN
Tajuk Program	Forum Mencakna Jiwa Generasi Muda Dengan Nilai Perpaduan Malaysia
Pengenalan	Pelbagai perbincangan berkaitan perpaduan harus bermula di peringkat sekolah, dan seterusnya diperkukuh lagi di semua peringkat. Usaha pemupukan perpaduan di peringkat awal persekolahan amat penting bagi melahirkan masyarakat yang dapat menghayati keunikan kepelbagaian budaya dan tradisi yang ada di Malaysia. Ini juga bagi memastikan nilai dan semangat perpaduan seperti yang termaktub dalam Prinsip Panduan ke-14 (Perpaduan dalam Kepelbagaian) dan Teras Strategik ke-7 (Modal Sosial) Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) dapat dicapai. Institut Masa Depan Malaysia (MASA) dengan kerjasama bersama Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya (PDPUM) telah menganjurkan dua (2) Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) pada 26 Oktober dan 22 November 2022 yang masing-masing membincangkan topik berkenaan Peranan Sistem Pendidikan dalam Memupuk Perpaduan dan Penasionalisasian Dialog ke arah Perpaduan dalam Konteks Kepelbagaian Etnik. Hasil perbincangan FGD ini telah menunjukkan betapa pentingnya peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional ke arah pemerkasaan perpaduan negara. Sehubungan itu, PDPUM dan MASA merasakan tibalah masanya untuk menganjurkan satu (1) forum bersama panel-panel pakar bagi membincangkan hasil FGD mengenai topik di atas dan seterusnya mendapatkan pandangan mereka tentang Peranan Nilai dalam Pembentukan Identiti Nasional ke arah Pemerkasaan Perpaduan Negara serta kemakmuran bersama.

1. INFORMASI PROGRAM (II)

PERKARA	PERINCIAN
Objektif Program	Sesi forum ini dianjurkan bagi mencapai objektif berikut: i. Menerokai pelbagai persepsi/pandangan pakar tentang peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional; ii. Meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia tentang kepentingan nilai dan peranan dialog ke arah pemerkasaan perpaduan negara terutamanya di golongan belia; dan iii. Menerokai langkah-langkah menasionalisasikan pengamalan dialog di Malaysia dan seterusnya menjadikan amalan dialog perpaduan sebagai mekanisme lestari pemupukan nilai-nilai murni bagi menyokong Dasar Perpaduan Negara (DPN).

1. INFORMASI PROGRAM (III)

PERKARA	PERINCIAN	
Platform	Fizikal	
Tarikh	29 November 2022; Selasa	
Masa	10.00 AM – 1.00 PM	
Lokasi	Auditorium Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Malaya	
Senarai Wakil MASA	1. Encik Azril Mohd Amin	Ketua Pegawai Eksekutif
	2. Encik Mohd Azmi Mohamed Rasheed Khan	Ketua Bahagian Perkhidmatan Korporat
	3. Encik Mohd Noor Musa	Penganalisis Penyelidikan (Sosial)
	4. Encik Mohammad Zulhafiy Zol Bahari	Penganalisis Penyelidikan (Sosial)
	5. Encik Khairul Syakirin Zulkifli	Penganalisis Penyelidikan (Politik)
	6. Encik Sim Why Jean	Penganalisis Penyelidikan (Politik)
	7. Cik Maryam Husna Maznorzuhairi	Penganalisis Penyelidikan (Ekonomi)
	8. Cik Adriana Asmaa' Mohd Ezanee	Penganalisis Penyelidikan (Ekonomi)
	9. Encik Abdul Mannan Mohd Zamri	Penganalisis Penyelidikan (Pelatih)
	10. Cik Nur Zalikhaa' Zainal Abidin	Penganalisis Penyelidikan (Pelatih)

1. INFORMASI PROGRAM (IV)

PERKARA	PERINCIAN	
Senarai Wakil MASA	11. Cik Lili Fariza Ariffin	Pengurus Bahagian Pengurusan Program
	12. Encik Ayob Hassan	Eksekutif Bahagian Pengurusan Program
	13. Encik Ahmad Faisal Ramli	Eksekutif Bahagian Pengurusan Program
	14. Encik Muhammad Fadzil Anif	Eksekutif Bahagian Pengurusan Program
	15. Cik Liwani Che Long	Eksekutif Bahagian Pengurusan Program
	16. Cik Nurul Hazirah Kamaruddin	Eksekutif Bahagian Komunikasi Strategik
	17. Cik Nurul Aqilah Azman	Eksekutif Bahagian Komunikasi Strategik
	18. Encik Muhammad Ainul Hakim Norazmi	Pembantu Pengurusan Data

2. ATURCARA PROGRAM

MASA	ATURCARA
10:00 AM	Pendaftaran Peserta / Sarapan Pagi
10:25 AM	Ketibaan Dif-Dif Kehormat
10:30 AM	Ucapan Alu-aluan Prof. Datuk Dr. Azizan Baharuddin, Pengarah Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya merangkap Felo Kehormat Institut Masa Depan Malaysia dan Penyandang Kursi Kelestarian UKM-YSD
10:40 AM	Forum Bermula <u>Ahli Panel Forum:</u> i. En. Azril Mohd Amin (Ketua Pegawai Eksekutif, MASA) ii. En. Faisal Aziz (Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)) iii. En. Ravichandran A/L Balasubramaniam (Pengerusi Pertubuhan Belia Hindu Teluk Kemang) <u>Moderator:</u> YBrs. Prof. Madya Dr. Durriyyah Sharifah Hasan Adli
12:20 PM	Sesi Soal Jawab
12:50 PM	Majlis Penyampaian Cenderahati & Sesi Bergambar
1:00 PM	Jamuan Tengahari

3. LAPORAN PROGRAM

PERKARA	PERINCIAN
Laporan Program	Forum Mencakna Jiwa Generasi Muda Dengan Nilai Perpaduan Malaysia telah diadakan di Auditorium Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Malaya pada 29 November 2022. Objektif utama program ini adalah untuk menerokai pelbagai persepsi serta pandangan daripada pakar mengenai peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional di samping dapat meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia terhadap kepentingan nilai dan peranan dialog ini dalam proses pemerkasaan perpaduan negara terutamanya di golongan belia. Tidak lupa juga, sesi forum ini juga membolehkan langkah-langkah menasionalisasikan pengamalan dialog di Malaysia dapat diterokai lebih mendalam serta menjadikan amalan dialog perpaduan sebagai mekanisme lestari pemupukan nilai-nilai murni bagi menyokong Dasar Perpaduan Negara (DPN) Felo Kehormat Institut MASA, Prof. Datuk Dr. Azizan Baharuddin yang juga Pengarah Pusat Dialog Peradaban (PDP) Universiti Malaya (UM) menjadi Ketua Penyelidik untuk program ini serta disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Institut MASA, En Azril Mohd Amin.
Maklumat Kehadiran	108 orang peserta

4. BIODATA KETUA PENYELIDIK

YBhg. Profesor Datuk Dr. Azizan Baharuddin

Profesor Datuk Dr. Azizan Baharuddin berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Biologi dari *University of Tasmania*, *Australia* (1978), MSc (*University College London*) pada tahun 1979 dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari *University Lancaster, UK* dalam bidang Sejarah dan Falsafah Sains (Sains dan Islam). Bidang-bidang utama beliau adalah falsafah sains, dialog antara budaya/tamadun/penganut agama, etika alam sekitar bioetika serta interaksi antara sains dan agama. Terkini, beliau sedang berkhidmat sebagai Pengarah, Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya (UMPDP). Beliau juga merupakan Felo Kehormat Institut Masa Depan Malaysia sejak Ogos 2022 serta Penyandang Kursi Kelestarian Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sime Darby. Terkini, beliau telah menerima anugerah Ikon Sains dan Peradaban sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 2022. Selain itu, beliau turut menerima Anugerah Hadhari Global (2019), Anugerah Maal Hijrah Wilayah Persekutuan (2016) dan Anugerah Langkawi (2016). Profesor Datuk Dr. Azizan telah menghasilkan lebih daripada 200 penerbitan termasuk bab buku, monograf, artikel jurnal dan artikel akhbar. Beliau juga aktif menyampaikan kertas kerja serta mengambil bahagian dalam berbagai-bagai program di media.

5. BIODATA MODERATOR

YBrs. Profesor Madya Dr Durriyyah Sharifah Hasan Adli

Profesor Madya Dr Durriyyah Sharifah Hasan Adli merupakan Felo Penyelidik, Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya. Beliau memperoleh PhD dalam Neurobiologi dari *Kent State University*, USA dan BA, Sains Biologi & Kimia (Minor: Psikologi) dari *California State University, USA*. Beliau menerajui Kumpulan Penyelidikan Neurosains UM (NeuroRG), sekumpulan penyelidik berasaskan pelbagai disiplin yang memberi tumpuan kepada Sistem Saraf. Antara pengalaman dan pencapaian beliau adalah mendapat anugerah Poster Terbaik (Emas) "Mengatasi cabaran keibubapaan: Dari perspektif ibu bapa Islam yang menghidap autisme (Kajian awal)" dalam Persidangan Al-Quran Antarabangsa Tahunan ke-9 (2019), Anugerah Emas Mentor-Mentee Stem 2019: "Inovasi Dalam Pendidikan Stem Melalui Perkongsian Saintis-Guru-Murid (STSP) Untuk Pendidikan Stem" (2019), dan Anugerah Pameran Teknologi Malaysia (2019). Kepakaran beliau tertumpu kepada neurosains, pendidikan STEM, dan *neurobehavioural disorders*.

6. BIODATA AHLI PANEL (I)

YBrs. Encik Azril Mohd Amin

Encik Azril Mohd Amin mempunyai pengalaman lebih daripada 18 tahun sebagai pengamal undang-undang dan ketua pertubuhan bukan kerajaan, serta penglibatan dengan institusi penyelidikan terkemuka dalam persekitaran serantau dan antarabangsa. Di samping pelantikan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Institut Masa Depan Malaysia, beliau juga adalah Pengasas dan Pengerusi Bersama untuk Perikatan Pertubuhan Masyarakat Sivil Malaysia dalam Proses UPR, gabungan lebih daripada 50 organisasi masyarakat sivil terkemuka dengan matlamat khusus untuk meneliti dan menyokong isu hak asasi manusia di Malaysia untuk Proses UPR Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Selain itu, beliau juga merupakan pengasas kepada Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia atau lebih dikenali sebagai CENTHRA. Tambahan juga, beliau merupakan Pegawai Khas kepada Perdana Menteri ke-8, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, dengan skop tugas beliau dalam bidang penyelidikan dan dasar tertentu. Beliau juga menyelia pelaksanaan dasar dan program peringkat menteri di bawah tujuh kementerian, merangkumi kluster sosial dan hal ehwal Islam. Beliau juga bertanggungjawab menasihati Perdana Menteri dalam penggubalan ucaptama dan ucapan.

6. BIODATA AHLI PANEL (II)

YBrs. Encik Muhammad Faisal Aziz

Merupakan bekas Setiausaha Agung Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dari tahun 2013 hingga 2019, Encik Muhammad Faisal Abdul Aziz telah dipilih menjadi presiden ABIM dari tahun 2019 hingga 2021. Beliau yang berkelulusan Ijazah Sarjana Undang-Undang dari Universiti Teknologi MARA, mempunyai pengalaman dan pendapat yang luas dalam menyuarakan pendapat serta pengetahuan beliau dalam membina negara dan bangsa dan ini dapat dilihat menerusi penglibatan beliau dalam beberapa organisasi dan persatuan lain antaranya adalah sebagai Ketua Penyelaras untuk Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia - Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG), Timbalan Pengerusi untuk gerakan BERSIH serta merupakan bekas pemimpin bagi Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia. Tambahan juga, beliau juga turut terlibat dalam beberapa projek keamanan dan kemanusiaan, antaranya, selaku wakil Malaysia dalam Misi Penilaian NGO Antarabangsa mengenai kem pelarian Palestin di sempadan Syria-Iraqi di bawah Projek *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR), selaku panel dalam Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan. Di samping terlibat aktif secara fizikal, beliau juga aktif menghasilkan penulisan di Malaysiakini sebagai kolumnis serta penulis buku bertajuk “Islam & Pemikiran Reformis Masa Hadapan: Mencerahkan Maqasid Yang Digelapkan”.

6. BIODATA AHLI PANEL (III)

<u>Encik Ravichandran Balasubramaniam</u>

Encik Ravichandran Balasubramaniam berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan, Fisiologi Eksesais dan Pengurusan Sukan (2010) dari Universiti Malaya. Sebelum ini, beliau menyandang jawatan sebagai Setiausaha Agung Majlis Belia Hindu Malaysia dan kini beliau merupakan Pengerusi bagi Pertubuhan Belia Hindu (Teluk Kemang). Selain itu, beliau juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengasas dan rakan kongsi urusan untuk *Duke of Edinburgh (DOE) Training and Consultancy* di Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman dan pencapaian yang luas antaranya beliau pernah menjadi wakil Belia Majlis Antarabangsa Asia Pasifik dan berkhidmat di Yayasan Anugerah Antarabangsa mewakili golongan muda di seluruh Rantau Asia Pasifik. Di samping itu, beliau juga pernah dilantik sebagai penyelidik di Parlimen Malaysia (2015 - 2018) dalam membantu penulisan ucapan dan mata perbahasan untuk Ahli Parlimen (MP) dan menjalankan penyelidikan mengenai ekonomi, sosial, sukan, dan tadbir urus. Beliau juga banyak menerima pelbagai anugerah dari dalam dan luar negara antaranya Anugerah Belia Negara (2019) yang dianugerahkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad serta Anugerah Belia Antarabangsa (IAYP) (2012-2014).

7. LAPORAN PERBINCANGAN (I)

Bil.	Perkara	Konteks Perbincangan
1.	Ucapan Pembukaan oleh Profesor Datuk Dr. Azizan Baharuddin, Pengarah, Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya	Perpaduan bukanlah sesuatu yang difahami melalui teori semata-mata tetapi perlu diamalkan dan dipraktikkan. Kita perlu mengenali antara satu sama lain yang berbeza bangsa dan etnisiti. Kita perlu kembali kepada asas atau *fundamental* bahawa setiap kita adalah insan yang sama, yang menghirup oksigen dan mengeluarkan karbon dioksida tanpa melihat kepada perbezaan kaum dan etnisiti, untuk memulakan proses kesepaduan ini yang sudah mula terabai. Salah satu masalah defisit sosial adalah jurang antara generasi. Kita perlu melihat forum hari ini sebagai satu peristiwa yang bersejarah dan bukan sesuatu yang berlaku dalam hidup kita secara *accidental* atau secara tidak sengaja. Hakikatnya, setiap individu perlu melangkah ke depan dengan tenaga dan bakat yang ada untuk membina negara ini kearah yang lebih baik. Jadilah kita orang-orang yang membina dan bukannya meruntuhkan. Kami di Pusat Dialog Peradaban, yakin bahawa seluruh hadirin yang hadir pada hari ini bersetuju bahawa perpaduan antara etnik adalah keperluan asasi dalam sesebuah negara yang bermasyarakat majmuk seperti Malaysia, bahkan seluruh dunia. Perpaduan juga perlu kita bina demi keamanan dunia, apatah lagi situasi hari ini yang kita tahu sebagai dunia tanpa sempadan. Jika kita merujuk kepada Kementerian Perpaduan Negara untuk mewujudkan perpaduan yang jitu, kita perlu juga mengenal pasti apakah yang disebut oleh para pengkaji mengenai defisit sosial atau kekurangan sosial sebagai satu isu yang perlu ditangani. Hal ini kerana isu ini mempunyai kaitan dengan perpaduan.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (II)

Bil.	Perkara	Konteks Perbincangan
1.	Ucapan Pembukaan oleh Profesor Datuk Dr. Azizan Baharuddin, Pengarah, Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya	Perpaduan bukan sekadar kita saling mengenali tetapi terdapat isu-isu struktur, ekonomi dan keadilan yang perlu sama-sama dikaji dan diatasi. Antara defisit sosial yang telah dikenalpasti oleh para pengkaji termasuklah etnisiti, kelas sosial, pendidikan, bahasa, jurang antara generasi, gender, jurang antara bandar dan desa, dan juga media. Secara umumnya, para pengkaji menyimpulkan bahawa kesepaduan nasional memerlukan terbinanya satu etos dan satu penghayatan set nilai-nilai murni yang boleh menyuburkan etos tersebut. Etos adalah cara pemikiran dan cara bertindak. Dalam erti kata lain, etos bermaksud akhlak dan adab. Persoalannya apakah nilai-nilai tersebut dan bagaimanakah strategi ke arah pemupukannya, khasnya di kalangan generasi muda negara kita.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (III)

PUSINGAN PERTAMA		
Tema: Perkongsian pengalaman tentang peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional		
Soalan: Apakah nilai-nilai yang penting yang seharusnya ada pada belia dalam pembentukan identiti nasional?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
1.	Input dari Encik Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Masa Depan Malaysia	Seperti yang semua tahu, kita baru selesai menjalani Pilihanraya Ke-15 dan antara isu utama yang timbul adalah isu perpaduan dalam kalangan rakyat dan juga pengundi. Selain itu, istilah 'Kerajaan Perpaduan' kini juga semakin banyak digunakan. Nilai-nilai yang ada di sebalik perpaduan itu adalah apa yang kita lihat ketika negara kita berdepan dengan krisis atau isu/masalah yang melibatkan semua lapisan masyarakat khususnya generasi muda. Kita perlu betul-betul memikirkan mengenai nilai-nilai yang harus dipegang untuk memastikan generasi muda ini boleh sama-sama bergerak sebagai anggota masyarakat yang boleh menjadi rakyat yang berguna dan bermanfaat kepada negara. Nilai-nilai utama sudah digariskan dalam Rukun Negara. Rukun negara yang lima itu adalah sebuah nilai yang pertama yang perlu dihayati dan diamalkan dalam interaksi dan kehidupan seharian kerana kita tidak boleh lari dari hakikat bahawa Malaysia akan kekal sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, agama dan fahaman politik.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (IV)

PUSINGAN PERTAMA		
Tema: Perkongsian pengalaman tentang peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional		
Soalan: Apakah nilai-nilai yang penting yang seharusnya ada pada belia dalam pembentukan identiti nasional?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
1.	Input dari Encik Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Masa Depan Malaysia	Oleh itu, apapun yang berlaku, kita hendaklah kembali kepada asas dan nilai-nilai yang telah disebut dalam Rukun Negara dan juga dalam Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan kita mematuhi dan kembali kepada asas pembinaan negara ini. Menurut pandangan saya, pilihanraya yang baru berlaku ini adalah agak sengit dan adalah mendukacitakan apabila kita dapat melihat muka-muka dan gambaran-gambaran wajah sebenar rakyat Malaysia. *When we are under real pressure, then we know the real faces of Malaysians*. Oleh sebab itu, kita ada panduan nilai dalam Rukun Negara. Saya terlibat dalam beberapa proses mekanisme hak asasi manusia. Dalam lapangan atau gelanggang hak asasi manusia ini, selalunya berlakunya tekanan untuk sesebuah negara untuk mematuhi prinsip-prinsip sejagat. Pada masa itu, kita akan ketahui mengenai perkara yang boleh atau tidak boleh dilaksanakan dalam konteks rakyat Malaysia kerana kita mempunyai perlembagaan, prinsip-prinsip Rukun Negara, budaya tempatan, dan sensitiviti agama.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (V)

PUSINGAN PERTAMA		
Tema: Perkongsian pengalaman tentang peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional		
Soalan: Apakah nilai-nilai yang penting yang seharusnya ada pada belia dalam pembentukan identiti nasional?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
1.	Input dari Encik Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Masa Depan Malaysia	Hal ini termasuk dalam soal perpaduan kerana contohnya, tuntutan-tuntutan yang dibuat terhadap Malaysia pada tahun 2018 dilihat berbeza daripada realiti sebenar berkenaan isu sensitiviti masyarakat. Contohnya, soal bumiputera dan soal kebebasan beragama yang merupakan isu-isu yang sensitif yang perlu dibincangkan secara jujur dan jelas tanpa berselindung. Kajian-kajian lain yang dibuat termasuk isu ratifikasi *The International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD)*. Terdapat pelbagai pandangan – ada yang pro dan juga kontra mengenainya. Persoalannya masih lagi tentang adakah agenda bumiputera itu merupakan satu perkara yang boleh menghalang ke arah pelaksanaan ICERD? Selain itu, persoalan sama ada asas itu yang tidak relevan atau pun pelaksanaannya turut dibincangkan.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (VI)

PUSINGAN PERTAMA		
Tema: Perkongsian pengalaman tentang peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional		
Soalan: Apakah nilai-nilai yang penting yang seharusnya ada pada belia dalam pembentukan identiti nasional?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
1.	Input dari Encik Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Masa Depan Malaysia	Sikap jujur itu perlu dalam negara kita untuk melakukan perubahan-perubahan yang baik ke arah melahirkan masyarakat yang lebih bersatu padu. Selain itu, apabila berdepan dengan tuntutan-tuntutan dalam dua situasi yang berbeza iaitu domestik dan di luar negara, kita harus tahu bahawa terdapat nilai-nilai yang telah termaktub dalam Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan yang harus dipegang dan dipatuhi agar kita kekal dan tidak tersasar daripada hasrat kita untuk menjadikan Malaysia ini sebagai negara yang kita impikan.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (VII)

PUSINGAN PERTAMA		
Tema: Perkongsian pengalaman tentang peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional		
Soalan: Apakah nilai-nilai yang penting yang seharusnya ada pada belia dalam pembentukan identiti nasional?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
2.	Input dari Encik Faisal Abdul Aziz, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	Pengalaman ketika di sekolah, saya belajar sebuah nilai daripada orang Cina iaitu jangan melakukan kemungkaran. Peristiwa kedua, terdapat sebuah kuil yang membantu semua agama untuk tinggal di situ ketika waktu hujan lebat, banjir dan sebagainya. Begitu juga yang berlaku kepada masjid-masjid di kawasan itu. Nilai inilah yang lahir secara semula jadi dalam kalangan rakyat Malaysia. Namun begitu, masalah viral di media sosial masa kini dilihat amat merbahaya kerana ia mampu memutar-belitkan fakta dan menimbulkan percanggahan antara sesebuah kaum di Malaysia. Kemakmuran dan kemajuan perlunya nilai kepelbagaian untuk melahirkan kemakmuran tersebut. Nilai keseimbangan amat penting dalam membentuk sesebuah ketamadunan kerana perlunya bersifat kepelbagaian dengan kehadiran masyarakat yang pelbagai untuk membantu perkembangan sesebuah negara. Budaya secara terbuka mampu membuka minda kita untuk membantu kita berkomunikasi dengan masyarakat luar. Covid-19 telah membantu dan mengajar kita mengenai kepentingan perpaduan dan sikap membantu antara satu sama lain.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (VIII)

PUSINGAN PERTAMA		
Tema: Perkongsian pengalaman tentang peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional		
Soalan: Apakah nilai-nilai yang penting yang seharusnya ada pada belia dalam pembentukan identiti nasional?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
3.	Input dari Encik Ravichandran A/L Balasubramaniam, Pengerusi, Pertubuhan Belia Hindu (Teluk Kemang)	Pengalaman ketika berusia 10 tahun, baru hendak mengenali agama-agama lain. Ikut kawan ke masjid dan berenang dalam kolah tempat mengambil wuduk di masjid. Datang seorang pakcik memarahi mereka menyebabkan saya hairan kerana saya telah diberitahu oleh kawan bahawa mereka dibenarkan untuk mandi dalam kolah tersebut. Selepas dua minggu, perkara tersebut dimaklumkan kepada ayahnya. Ayahnya marah, memukulnya dan membawanya berjumpa dengan pakcik yang bertugas menjaga masjid tersebut untuk memohon maaf. Pada ketika itu, barulah dia tahu kegunaan air kolah tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman seperti ini mampu memahamkan dan mendidiknya mengenai perkara-perkara dalam rumah ibadat agama lain.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (IX)

PUSINGAN PERTAMA		
Tema: Perkongsian pengalaman tentang peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional		
Soalan: Apakah nilai-nilai yang penting yang seharusnya ada pada belia dalam pembentukan identiti nasional?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
3.	Input dari Encik Ravichandran A/L Balasubramaniam, Pengerusi, Pertubuhan Belia Hindu (Teluk Kemang)	Nilai yang perlu ada pada anak muda adalah: 1. **Cintakan diri sendiri dahulu.** Apabila kita belajar untuk cintakan diri sendiri, barulah kita dapat mencintai segala perkara lain yang ada di sekeliling kita. Masalah yang dapat dilihat hari ini adalah ramai anak muda kurang mencintai diri sendiri. *Start with yourself, then with your family itself, and then with the community*. Ramai yang ingin melakukan sesuatu yang besar tetapi tidak bermula dengan diri sendiri dahulu. Ramai pemimpin hari ini hendak mengubah sesuatu dalam masyarakat tetapi apabila diteliti semula, keadaan rumah tangga dan keluarga sendiri bergolak. *If you start the changes with you, then only you can do the same thing out there*. Hal ini kerana masyarakat akan melihat pemimpin tersebut sebagai agen perubahan.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (X)

PUSINGAN PERTAMA		
Tema: Perkongsian pengalaman tentang peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional		
Soalan: Apakah nilai-nilai yang penting yang seharusnya ada pada belia dalam pembentukan identiti nasional?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
3.	Input dari Encik Ravichandran A/L Balasubramaniam, Pengerusi, Pertubuhan Belia Hindu (Teluk Kemang)	2. **Penghayatan Rukun Negara.** Dahulu ketika di sekolah rendah, Rukun Negara perlu dibaca setiap pagi. Perkara yang tidak dapat difahami semasa kecil itu sebenarnya memberi impak yang besar dan baru disedari kepentingannya apabila sudah dewasa. Setiap proses dan pembelajaran rukun negara pada waktu sekolah banyak memberi impak kepada pada masa sekarang. 3. **Semangat cintakan negara.** Banyak negara lain melihat kita sebagai '*model of unity*', sebagai sebuah negara model dalam perpaduan yang berlatarbelakangkan pelbagai etnisiti. Meskipun berbeza pandangan, kita harus kembali kepada asas bahawa kita semua adalah rakyat Malaysia. 4. **Semangat perpaduan** seperti saling membantu antara satu sama lain. Pengalaman ketika bekerja di Johor, terdapat sebuah kenderaan dari Singapura yang membuang sampah ke luar kenderaan. Ketika itu saya amat marah atas tindakan orang tersebut. Marah saya adalah disebabkan rasa cinta kepada negara.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (XI)

PUSINGAN PERTAMA		
Tema: Perkongsian pengalaman tentang peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional		
Soalan: Apakah nilai-nilai yang penting yang seharusnya ada pada belia dalam pembentukan identiti nasional?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
3.	Input dari Encik Ravichandran A/L Balasubramaniam, Pengerusi, Pertubuhan Belia Hindu (Teluk Kemang)	*Start to do even the small good things in life, because eventually it will give a bigger picture*. Kita perlu melakukan sesuatu kepada negara walaupun ia hanya sesuatu yang kecil. Pengalaman nenek moyang dahulu amat berbeza dan kita pasti tidak akan mahu kembali kepada zaman lampau kerana kita tahu betapa peritnya kehidupan mereka ketika itu. Oleh itu, kefahaman adalah sebuah nilai yang perlu diterapkan untuk membentuk perpaduan dalam negara kita.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (XII)

PUSINGAN PERTAMA		
Tema: Perkongsian pengalaman tentang peranan nilai dalam pembentukan identiti nasional		
Soalan: Apakah nilai-nilai yang penting yang seharusnya ada pada belia dalam pembentukan identiti nasional?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
4.	Input dari Profesor Madya Dr. Durriyyah Sharifah Hasan Adli (Moderator), Felo Penyelidik, Pusat Dialog Peradaban UM	Menantu saya yang berbangsa Cina tidak dapat balik ketika Tahun Baru Cina atas sebab kawalan pergerakan. Pada ketika itu, saya dan suami berbincang sekiranya anak kami yang tidak dapat balik ketika Hari Raya Aidilfitri, mestilah anak kami akan berasa sedih. Jadi kami pun bercadang untuk menyambut Tahun Baru Cina di rumah kami. Kami pergi ke kedai untuk membeli perhiasan yang boleh digantung di rumah yang dapat memberikan sedikit suasana sambutan Tahun Baru Cina itu, tanpa menyalahi akidah kami sebagai orang Islam. Kami turut membeli set untuk 'yee sang'. Kami tidak menyangka bahawa usaha kami yang kami sangkakan kecil itu memberi makna yang amat besar buat menantu kami serta keluarganya. Gambar-gambar sambutan kami di rumah itu mula tular di media sosial dan kami mula dihubungi oleh keluarga-keluarga lain yang bakal menerima perkahwinan campur dalam keluarga mereka. Perkara itu juga telah membantu dalam memudahkan interaksi antara keluarga saya dan juga keluarga menantu saya. Saya amat bersetuju bahawa Covid-19 ada hikmah yang berbeza walaupun ianya amat perit dalam kehidupan kita.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (XIII)

PUSINGAN KEDUA		
Tema: Kepentingan nilai, identiti nasional dan peranan dialog ke arah perpaduan dan kemakmuran bersama		
Soalan: Adakah seni berdialog mampu untuk membentuk keakraban perpaduan dan kemakmuran bersama bagi setiap lapisan masyarakat?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
1.	Input dari Encik Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Masa Depan Malaysia	Dalam Islam, terdapat dua ayat yang merujuk kepada konsep dialog: 1. Konsep taaruf atau saling kenal mengenal itu sememangnya amat dianjurkan dalam agama Islam. 2. Anjuran untuk berbahas/berdialog secara baik. Kepentingan dialog amat dianjurkan bukan sahaja dalam agama Islam tetapi agama-agama lain juga. Dialog berperanan sebagai satu bentuk komunikasi positif yang bukan sahaja boleh membantu untuk menghuraikan masalah yang timbul antara dua pihak, bahkan sebenarnya boleh memupuk rasa kebersamaan. Dialog secara tidak formal di peringkat akar umbi masyarakat iaitu dialog harian dan rutin dengan jiran, rakan-rakan di sekolah, pakcik di surau sebenarnya sangat penting. Dialog inilah yang merupakan bentuk dialog yang paling asas.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (XIV)

PUSINGAN KEDUA		
Tema: Kepentingan nilai, identiti nasional dan peranan dialog ke arah perpaduan dan kemakmuran bersama		
Soalan: Adakah seni berdialog mampu untuk membentuk keakraban perpaduan dan kemakmuran bersama bagi setiap lapisan masyarakat?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
1.	Input dari Encik Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Masa Depan Malaysia	Selain itu, tahap dialog yang kedua iaitu dialog secara akademik yang biasa dilakukan di institusi pendidikan dan perbincangan kajian-kajian antara cendekiawan juga amat penting. Walau bagaimanapun, sesetengah isu yang dibincangkan antara cendekiawan ini perlu diperhatikan dan ditapis kerana ada isu-isu perbincangan yang bersifat teologikal yang sekiranya dijadikan sebagai satu dialog terbuka kepada orang awam, akan berisiko untuk menimbulkan kekeliruan. Dialog sebegini haruslah diserahkan kepada ahlinya. Satu lagi peringkat dialog adalah dialog mengenai perkara-perkara yang berlaku di peringkat antarabangsa. Pada 11 September 2013, Malaysia telah menubuhkan Majlis Konsultansi Perpaduan Negara yang melibatkan pimpinan-pimpinan politik dan ketua-ketua kerajaan. Sekiranya ketiga-tiga tahap dialog ini dimanfaatkan sebaiknya dan dioptimumkan, masyarakat akan boleh menjalani kehidupan dengan lebih baik.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (XV)

PUSINGAN KEDUA		
Tema: Kepentingan nilai, identiti nasional dan peranan dialog ke arah perpaduan dan kemakmuran bersama		
Soalan: Adakah seni berdialog mampu untuk membentuk keakraban perpaduan dan kemakmuran bersama bagi setiap lapisan masyarakat?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
1.	Input dari Encik Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Masa Depan Malaysia	Akhir-akhir ini, isu-isu sensitif seperti agama sering digunakan dalam sosial media sehingga mencetuskan masalah. Media sosial dilihat sebagai tempat yang tidak sesuai untuk berbincang secara saling menghormati antara satu sama lain. Hal ini kerana isu dalam media sosial kebanyakannya dilontarkan dengan terlalu bebas tanpa ada asas dan bukti dan hanya berlandaskan kepada emosi semata-mata. Kebanyakannya tidak berminat untuk tahu dan empati kepada sesuatu keadaan. Contohnya, apabila isu pelajar universiti yang membantu mencuci kuil dimasukkan ke dalam media sosial, perkara yang sebenarnya bertujuan baik telah disalah ertikan. Malahan, tiada ruang untuk mana-mana pihak yang terlibat menerangkan sesuatu dan keadaan sebenar yang berlaku.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (XVI)

PUSINGAN KEDUA		
Tema: Kepentingan nilai, identiti nasional dan peranan dialog ke arah perpaduan dan kemakmuran bersama		
Soalan: Adakah seni berdialog mampu untuk membentuk keakraban perpaduan dan kemakmuran bersama bagi setiap lapisan masyarakat?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
1.	Input dari Encik Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Masa Depan Malaysia	Selain itu, masalah sikap ahli-ahli politik yang kebiasaannya tidak bercakap berlandaskan ilmu. Kata-kata hikmah Imam Syafie "Sesiapa yang inginkan dunia, mestilah dengan ilmu. Sesiapa yang inginkan akhirat, mestilah dengan ilmu. Dan inginkan kedua-duanya pun mestilah dengan ilmu". Namun, kebanyakan ahli politik bukan sahaja di Malaysia, namun di mana-mana sahaja pun, bercakap tidak berlandaskan ilmu kerana mereka beranggapan bahawa mereka mempunyai kuasa untuk menentukan sesuatu walaupun sebenarnya ianya tidak dipersetujui oleh masyarakat. Tiga tahap dialog ini perlu dilihat kembali dan bagaimana kita mampu mengoptimumkannya supaya proses dialog ini boleh memberi sumbangan yang baik kepada masyarakat ke arah membina masyarakat yang lebih bersatu padu dan saling menghormati antara satu sama lain. Jika kita mempunyai ilmu, hormat sesama kita, dan menjaga sensitiviti, dialog pada tiga tahap ini boleh berlaku dengan baik.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (XVII)

PUSINGAN KEDUA		
Tema: Kepentingan nilai, identiti nasional dan peranan dialog ke arah perpaduan dan kemakmuran bersama		
Soalan: Adakah seni berdialog mampu untuk membentuk keakraban perpaduan dan kemakmuran bersama bagi setiap lapisan masyarakat?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
2.	Input dari Encik Faisal Abdul Aziz, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	Dalam al-Quran, perkataan qul atau qola adalah untuk menunjukkan kepentingan penggunaan dialog. Dakwah Nabi Muhammad dalam membaiki kerosakan jahiliah telah dimulakan melalui dialog. Setiap permasalahan dan perselisihan yang berlaku perlu diselesaikan dengan dialog kerana ini adalah satu budaya Islam. Perkara yang menghalang dialog adalah apabila kita bersikap ekstrim. ABIM amat mementingkan dialog kerana untuk memahamkan seseorang apabila berlaku sesuatu isu, mereka yang bukan beragama Islam akan tanya kepada ABIM mengenai perkara tersebut. Apabila berlakunya sesuatu isu, ABIM akan melakukan program untuk memupuk rasa kesefahaman dan membuat kenyataan bersama dengan persatuan yang bukan Islam untuk menunjukkan solidariti kebersamaan antara satu sama lain. Di sinilah identiti kita sebagai rakyat Malaysia. Kita menolak perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti agama.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (XVIII)

PUSINGAN KEDUA		
Tema: Kepentingan nilai, identiti nasional dan peranan dialog ke arah perpaduan dan kemakmuran bersama		
Soalan: Adakah seni berdialog mampu untuk membentuk keakraban perpaduan dan kemakmuran bersama bagi setiap lapisan masyarakat?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
2.	Input dari Encik Faisal Abdul Aziz, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	Oleh itu, dapat dilihat betapa pentingnya dialog mengenai perkara ini. Apabila seseorang menghentam agama lain dalam media sosial, hal ini menunjukkan mereka tidak ada kelompok rakan yang berlainan agama atau mereka sendiri memang tidak sensitif dengan agama lain. Pembaharuan dialog amat penting untuk memastikan kerelevanannya dengan zaman semasa dan penerimaan golongan belia. Untuk masa yang singkat seperti video dialog di TikTok, kami melihat bahawa ianya bukanlah dialog, tetapi konklusi kepada sesi dialog. Saya bersetuju bahawa pendekatan dan kaedah penganjuran dialog ini perlu diteliti supaya boleh adaptasi dengan situasi semasa zaman sekarang. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa dalam ajaran Islam, Allah telah menyatakan bahawa dialog yang paling berkesan adalah dialog secara berhadapan. Hal ini kerana apabila kita berjumpa seseorang, barulah kita dapat mengenal dan memahami antara satu sama lain, serta mengetahui matlamat dan aspirasinya. Penanda aras paling penting adalah ilmu untuk seseorang itu berdialog.

7. LAPORAN PERBINCANGAN (XIX)

PUSINGAN KEDUA		
Tema: Kepentingan nilai, identiti nasional dan peranan dialog ke arah perpaduan dan kemakmuran bersama		
Soalan: Adakah seni berdialog mampu untuk membentuk keakraban perpaduan dan kemakmuran bersama bagi setiap lapisan masyarakat?		
BIL	PERKARA	KONTEKS PERBINCANGAN
